

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVIII)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

5. Pembelajaran dan pendidikan di Telok Bahang.
- (a) Sebutkan program-program yang telah dijalankan oleh agensi yang terbabit dalam meningkatkan lagi taraf pendidikan di DUN Telok Bahang.
  - (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan Perpustakaan Digital di Telok Bahang?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. (a) Terdapat beberapa program yang telah dijalankan dalam meningkatkan taraf pendidikan di DUN Telok Bahang seperti berikut:-
- (i) Institut Kemahiran MARA dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Teluk Bahang telah mengadakan Program CSR & Pembinaan *EasyTable* pada 14 April 2019. Program tersebut diadakan bagi membina *easy table* dengan ruang penyimpanan buku bagi menyediakan suasana kondusif bagi pembelajaran pelajar sekolah;
  - (ii) Tech Dome Penang bertanggungjawab dalam mempromosikan bidang sains dan teknologi kepada orang awam termasuk pelajar sekolah. Tech Dome Penang pada tahun 2019 telah menerima pelajar SJK(C) Eok Hua Teluk Bahang untuk menghadiri program sains dan teknologi;

- (iii) Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang melalui pengurusan sekolah melaksanakan program pendidikan secara bulanan dan tahunan di setiap sekolah di Teluk Bahang. Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang juga bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) untuk menganjurkan Tuisyen Mutiara di Teluk Bahang; dan
  - (iv) Penggerak Komuniti Muda (PEKA) telah memulakan Pusat Tuisyen Rakyat di DUN Teluk Bahang bagi membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah untuk mendapat tuisyen percuma.
- (b) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mewujudkan perpustakaan digital di DUN Telok Bahang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mewujudkan perpustakaan digital untuk penduduk di daerah Barat Daya iaitu PDL@Batu Maung yang terletak di dalam bangunan Southbay Plaza dan beroperasi mulai 2 November 2019.